

Kepada Semua Staf,

Tuan/puan,

TAWARAN OPSYEN PELANJUTAN UMUR PERSARAAN WAJIB KEPADA 58 TAHUN

Merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2008, dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk melanjutkan umur persaraan wajib anggota sektor awam daripada 55 atau 56 tahun kepada 58 tahun berkuatkuasa mulai 1 Julai 2008.

2. Tawaran opsyen pelanjutan umur persaraan wajib kepada 58 tahun ini adalah layak diberi kepada staf tetap yang sedang berkhidmat yang akan mencapai umur persaraan wajib yang terpakai baginya melalui pilihan atau lantikan, iaitu sama ada 55 tahun atau 56 tahun pada atau selepas 1 Julai 2008. "Staf tetap" yang dimaksudkan adalah termasuk staf yang sedang-

- (i) dalam tempoh percubaan;
- (ii) dipinjamkan;
- (iii) dalam pertukaran sementara;
- (iv) bercuti tanpa gaji;
- (v) bercuti belajar atau berkursus;
- (vi) dalam tindakan tatatertib yang belum berkeputusan muktamad anggota itu dibuang kerja;
- (vii) tertakluk sama ada kepada Skim Pencen atau Skim KWSP; dan

3. Kepada staf yang layak mendapat opsyen ini di bawah kategori staf tetap seperti di atas tetapi tidak tersenarai di dalam mana-mana senarai staf yang layak di PTJ tuan/puan, sila hubungi Puan Nur Bahiyah Sujana di samb. 3338 atau Puan Rafiza Hashim di samb. 3371.

4. Anggota yang tidak membuat opsyen atau tidak menyerahkan borang opsyen sebelum 1 Julai 2008 atau yang membuat opsyen dengan bantahan atau syarat tambahan disifatkan sebagai menolak opsyen ini dan memilih untuk kekal bersara pada umur 55 tahun atau 56 tahun mengikut mana yang berkenaan. Opsyen tuan/puan menjadi operatif pada 1 Julai 2008 dan adalah muktamad.

5. Untuk maklumat lanjut, tuan/puan boleh mengakses Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2008, mengenai Tawaran Opsyen Pelanjutan Umur Persaraan Wajib Kepada 58 Tahun ini di laman web www.jpa.gov.my.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Yang benar,

NORILAH SALAM

Pengurus Besar (Pentadbiran)/Pendaftar